

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN  
PADA 5 OKTOBER 2011  
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daud Timbalan Naib  
Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku  
Pendaftar UniMAP

Yg. Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yg Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan

Yang Berbahagia Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada pagi yang berbahagia ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita.

Ladies and Gentlemen,

**First, allow me to congratulate our sports contingent for their success in the recent 25<sup>th</sup> Malaysia Open Master Athletics Championship (MOMAC) which was held at Stadium Darul Aman Kedah on the 1<sup>st</sup> and 2<sup>nd</sup> October 2011. We have succeeded in obtaining 7 gold medals which exceeded our initial target of only 2 gold medals.**

**I am very pleased that we were able to compete with the international athletes from Singapore, Indonesia, Thailand, Brunei Darussalam, India, Iran and Turkey. I hope this success will be a burning spirit to our athletes to compete in the upcoming SUKUM 2012 which will be held in Universiti Utara Malaysia (UUM) next year.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pelbagai aktiviti telah berlangsung sepanjang minggu lalu dan juga minggu ini dan izinkan saya berkongsi sebahagiannya dengan anda.

Pertamanya, pada minggu lalu, UniMAP telah menganjurkan Majlis Tautan Kasih 1 Malaysia @ Anjung UniMAP Kuala Lumpur dan pada majlis itu juga UniMAP sekali lagi menempa sejarah apabila melancarkan prototaip Motor Tricycle serbaguna khusus untuk mempopularkan perniagaan bergerak berkonsepkan “Business On Wheel” di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur pada 29 September lalu.

Terima kasih atas inisiatif dan sumbangan idea Profesor Kunjungan UniMAP, iaitu Prof. Dato’ Dr. Abdul Razak Haji Omar. Insya Allah, prototaip ini akan dihasilkan oleh pelajar-pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan untuk dikomersialkan lagi. Hasrat saya bukan setakat ini sahaja, sebaliknya, dengan adanya prototaip Motor Tricycle ini, kita berhasrat untuk melatih mahasiswa membuat rekaan, mengenalpasti jenis perniagaan dan menguruskan urusan promosi.

Dan pada masa sama, ia akan digunakan untuk melatih graduan lepasan universiti untuk menjadi usahawan produk-produk berjenama menggunakan kenderaan bergerak secara

“in tech” dan tidak hanya berharap untuk makan gaji semata-mata.

Kita akan cuba untuk mengkomersilkan lebih banyak produk-produk UniMAP. Saya percaya, produk-produk yang memenangi pingat di pelbagai pertandingan sebelum ini mampu menarik minat industri untuk bekerjasama dalam mengkomersilkan produk-produk tersebut.

Hadiri dan hadirat sekalian,

Dan pada minggu ini juga terdapat beberapa majlis yang memerlukan komitmen dan kerjasama jitu dari warga UniMAP. Salah satu darinya ialah Festival Nasyid Kemerdekaan IPTA kali ke-8.

UniMAP buat kesekian kalinya akan menjadi penganjur, dan pastinya sebagai penganjur kita akan menerima kunjungan tetamu dari pelbagai IPTA di Malaysia. Justeru, sukaulah saya mengingatkan warga UniMAP untuk menjaga adab dan tata susila sebagai tuan rumah demi menjaga nama UniMAP yang kita sayangi ini.

Saya juga mengharapkan, venue pertandingan iaitu Dewan Kapitol akan dipenuhi dengan warga UniMAP baik staf mahupun pelajar sebagai sokongan terhadap aktiviti yang kita anjurkan.

Rasanya cukuplah setakat ini sahaja ucapan saya pada pagi ini. Semoga berita tentang kejayaan tadi dapat menaikkan semangat kita semua untuk mencipta lebih banyak lagi kejayaan sekaligus mengharumkan nama UniMAP, dan diharapkan juga perjumpaan kita pada pagi ini mendapat keberkatan olehNya Yang Maha Esa. Saya sudahi ucapan pada pagi ini dengan serangkap pantun:-

**Duduk termenung di tepi bendang**

**Sambil bermain si anak ikan**

**Produk kita banyak dah menang**

**Sudah sampai masa untuk dikomersilkan**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.